

**PENDEKATAN *DA'WAH AL-IRSYAD AL-NAFSIYY*
MENURUT AL-GHAZALI : SATU KAJIAN DI
PUSAT KAUNSELING MAJLIS AGAMA
ISLAM NEGERI SEMBILAN**

oleh

SALASIAH BINTI HANIN HAMJAH

Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi Ijazah
Doktor Falsafah

Ogos 2008

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad s.a.w, keluarga serta sahabat-sahabat baginda dan seterusnya kepada umat Islam seluruhnya. Alhamdulillah, segala puji dipanjangkan ke hadrat Allah s.w.t kerana telah mengurniakan semangat, kekuatan, kesihatan, keupayaan, ‘inayah dan rahmatNya kepada pengkaji sehingga kajian ini dapat disempurnakan.

Pertama-tamanya, penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia yang dimuliakan lagi dikasihi iaitu Dr. Noor Shakirah Mat Akhir di atas segala bimbingan, komitmen dan kerjasama yang diberikan. Begitu banyak pengetahuan dan tunjuk ajar yang diberikan kepada pengkaji sepanjang tempoh penyelidikan ini. Tanpa keprihatinan, kesungguhan dan sokongan beliau, kajian ini tentu tidak dapat disempurnakan dengan baik.

Pengkaji juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama yang diberikan oleh Prof Madya Mustofa Kamal Mokhtar (UKM), Prof. Madya Dr. Sidek Mohd. Noah (UPM), Prof Madya Dr. Abu Hassan Shaari Bin Mohd Nor (UKM), Dr. Mohd. Izham Mohd. Hamzah (UKM), Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady (ISTAC), Dr. Rozmi Ismail (UKM), Dr. Gusni Saat (UKM), Dr. Mustafa Omar (UKM), Prof. Madya Muhammad Kamil Hj Abd Majid (UM), Dr. Mohd Fauzi Hamat (UM), Prof. Dr. AbdulFatah Haron Ibrahim (UKM) di atas maklumat, idea dan pandangan membina yang diberikan bagi menjayakan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang telah memberi bimbingan dan menyumbangkan pandangan bernas bagi memperkemaskan lagi penyelidikan ini.

Ucapan penghargaan tidak lupa juga ditujukan kepada semua kakitangan Pusat Kaunseling MAINS iaitu Encik Norazman Amat, Encik Mahadi Ali, Puan Fadhilah

Mohamed, Puan Che Som Bt Omar, Cik Norazlina Bt Maarof, Encik Mohd. Husaini B.Hussin, Encik Wan Aminuddin Wan Abdullah, Che Rozita Che Rahman, Puan Zana Roslinda Bt Ujang, Puan Haryati Kamarudin, Cik Zalini Bt Musa @ Ibrahim dan Puan Zurina Binti Zulkifli @ Li di atas kerjasama yang diberikan bagi menjayakan penyelidikan yang dijalankan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan juga diberikan kepada suami di atas sokongan, dorongan dan kerjasama yang diberikan bagi membantu pengkaji menyiapkan kajian ini. Ucapan jutaan terima kasih juga ditujukan kepada kedua ibu bapa yang tidak pernah jemu memberi semangat dan galakan agar pengkaji berjaya menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Selain itu, ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada seluruh kakitangan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Awam Pusat Islam Malaysia, Perpustakaan Negara, Perpustakaan ISTAC, Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa di atas kerjasama dan bantuan yang diberikan sewaktu pengkaji mengumpul data dan maklumat yang diperlukan.

Buat akhirnya penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini termasuklah yang membantu pengkaji mengedar dan mengumpul borang soal selidik, menganalisis data serta memberikan buah fikiran dan maklumat untuk menyempurnakan penulisan ini. Semoga segala kerjasama, pertolongan, sokongan dan dorongan yang diberikan akan mendapat ganjaran kebaikan daripada Allah s.w.t.

Salasiah Binti Hanin Hamjah
Bangi Perdana,
Bandar Baru Bangi, Selangor

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iv
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xii
Senarai Singkatan Kata	xiii
Senarai Lampiran	xiv
Transliterasi	xv
Abstrak	xvii
Abstract	xviii
 Bab Satu : Pendahuluan	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan masalah	3
1.3 Objektif Kajian	16
1.4 Kajian Terdahulu	16
1.5 Skop dan Batasan Kajian	28
1.6 Kepentingan Kajian	31
1.7 Metodologi Kajian	32
1.8 Penutup	42
 Bab Dua : <i>Da'wah</i> dan Hubungannya dengan <i>Al-Irsyad al-Nafsiyy</i>	 43
2.1 Pengenalan	43
2.2 Definisi <i>Da'wah</i>	43
2.2.1 <i>Da'wah</i> dari Sudut Bahasa	44
2.2.2 <i>Da'wah</i> dari Sudut Istilah	46
2.3 Pembahagian <i>Da'wah</i>	48
2.4 Metodologi <i>Da'wah</i>	50
2.4.1 Asas Metodologi <i>Da'wah</i>	53
2.4.1.1 Hikmah (<i>al-hikmah</i>) dalam <i>Da'wah</i>	54
2.4.1.2 Nasihat yang Baik (<i>al-Maw'i Zah al-Hasanah</i>)	56
2.4.1.3 Berdebat (<i>mujadalah</i>) dengan Cara yang Baik	57
2.5 <i>Al-Da'wah al-Fardiyah</i> dan Hubungannya dengan <i>Al-Irsyad al-Nafsiyy</i>	59

2.5.1	Hubungan <i>Al-Da'wah al-Fardiyah</i> dengan <i>Al-Irsyad al-Nafsiyy</i> dari Aspek Definisi	59
2.5.2	Hubungan <i>Al-Da'wah al-Fardiyah</i> dengan <i>Al-Irsyad al-Nafsiyy</i> dari Aspek Keistimewaan	62
2.5.3	Hubungan <i>Al-Da'wah al-Fardiyah</i> dengan <i>Al-Irsyad al-Nafsiyy</i> dari Aspek Proses	67
2.5.3.1	<i>Al-Ta'anuf</i>	67
2.5.3.2	<i>Al-Ta'aluf</i>	70
2.5.3.3	<i>Al-Tafahum</i>	73
2.5.3.4	<i>Al-Tafaqqud wa al-Ri'ayah</i>	74
2.5.3.5	<i>Al-Ta'awun</i>	76
2.5.3.6	<i>Tatabbu' Ahwal al-Mad'u fi Majal al-Iman</i>	78
2.5.4	Hubungan <i>Al-Da'wah al-Fardiyah</i> dengan <i>Al-Irsyad al-Nafsiyy</i> dari Aspek Pengorganisasian <i>Da'wah</i>	79
2.6	Kepentingan <i>Al-Irsyad al-Nafsiyy</i> dalam <i>al-Da'wah al-Fardiyah</i>	81
2.6.1	Memperkuat Kefahaman <i>Mad'u</i> tentang Urusan Agama	82
2.6.2	Mempertingkatkan Ketahanan Spiritual dan Jasmani <i>Mad'u</i>	84
2.6.3	Meningkatkan Kemampuan <i>Mad'u</i> untuk Melakukan Amal Salih	88
2.6.4	Mendorong <i>Mad'u</i> beriltizam dengan Islam	90
2.6.5	Memperkuat <i>Intima' Mad'u</i> terhadap Islam	91
2.7	Penutup	94
Bab Tiga : Pendekatan <i>Da'wah al-Irsyad al-Nafsiyy</i> menurut al-Ghazali.		95
3.1	Pengenalan	95
3.1.1	Biografi al-Ghazali	95
3.1.2	Pendidikan dan Pengembaraan al-Ghazali	98
3.1.3	Pandangan Tokoh lain Terhadap al-Ghazali	103
3.2	Al-Ghazali dan Hubungannya dengan <i>Al-Irsyad al-Nafsiyy</i>	108
3.2.1	Pendidikan Spiritual al-Ghazali	108
3.2.2	Krisis Spiritual al-Ghazali	109
3.2.3	Pengembaraan Spiritual al-Ghazali	113

3.3 <i>Al-Irsyad al-Nafsiyy</i> menurut al-Ghazali	114
3.3.1 Definisi <i>al-Irsyad</i> menurut al-Ghazali	115
3.3.2 Definisi <i>al-Nafsiyy</i> menurut al-Ghazali	116
3.3.2.1 <i>Al-Nafs</i>	117
3.3.2.2 <i>Al-Qalb</i>	118
3.3.2.3 <i>Al-Ruh</i>	119
3.3.2.4 <i>Al-'Aql</i>	120
3.3.3 Definisi <i>Al-Irsyad al-Nafsiyy</i> menurut al-Ghazali	123
3.3.4 Proses dan Matlamat <i>Al-Irsyad al-Nafsiyy</i> Menurut al-Ghazali	123
3.3.4.1 <i>Ma'rifah al-nafs</i>	126
3.3.4.2 <i>Mujahadah, Riyadah dan Tazkiyah al-Nafs</i>	126
3.3.4.3 <i>Al-Sa'adah</i>	131
3.4 Penutup	134
 Bab Empat : Kaedah Penyelesaian Masalah Spiritual Menurut al-Ghazali	135
4.1 Pengenalan	135
4.2 Peringkat Pertama : Membina Kemesraan dengan <i>Mad'u</i>	136
4.3 Peringkat Kedua : Mengenal Diri (<i>Ma'rifah al-Nafs</i>) dan Mengenalpasti Punca Masalah	146
4.3.1 Mengenal Spiritual Manusia Menurut al-Ghazali	147
4.3.2 Mengenal Tanda-tanda Penyakit hati	151
4.3.3 Mengenalpasti Medium Kemasukan Syaitan ke dalam Hati Manusia	153
4.3.4 Kaedah Mengenali Kekurangan Diri	159
4.3.5 Mengenali Hakikat Hati Berbolak Balik	161
4.4 Pelaksanaan Pendekatan <i>Da'wah al-Irsyad al-Nafsiyy</i> dengan kaedah <i>Tazkiyah al-Nafs</i> (<i>Mujahadah al-Nafs</i> dan <i>Riyadah al-Nafs</i>)	165
4.4.1 Pengenalan	165
4.4.2 Peringkat Ketiga : Pelaksanaan Kaedah <i>Tazkiyah al-Nafs</i> dengan kaedah Utama <i>Mujahadah al-Nafs</i> (<i>Takhalli</i>)	176
4.4.2.1 <i>Mujahadah al-Nafs</i>	177
4.4.2.2 Mengingati Mati	178

4.4.3	Peringkat Keempat : Pelaksanaan Kaedah <i>Tazkiyah al-Nafs</i> dengan kaedah Khusus <i>Mujahadah al-Nafs (Takhalli)</i>	179
4.4.3.1	Rawatan Verbal Komunikasi yang Buruk	179
4.4.3.2	Rawatan Penyakit Suka Menipu	184
4.4.3.3	Rawatan Penyakit Suka Mengumpat	187
4.4.3.4	Rawatan Penyakit Buruk Sangka	190
4.4.3.5	Rawatan Penyakit Marah	192
4.4.3.6	Rawatan Penyakit Hasad Dengki	197
4.4.3.7	Rawatan Penyakit Benci	201
4.4.3.8	Rawatan Penyakit Dendam	203
4.4.3.9	Rawatan Penyakit Cintakan Dunia	203
4.4.3.10	Rawatan Penyakit Bakhil	208
4.4.3.11	Rawatan Penyakit <i>Takabbur</i>	211
4.4.3.12	Rawatan Penyakit Sedih dan Kecewa	217
4.4.3.13	Rawatan Penyakit Tekanan	223
4.4.3.14	Rawatan Penyakit Bimbang	225
4.5	Peringkat Kelima :Aplikasi kaedah <i>Tazkiyah al-Nafs</i> menerusi <i>Riyadah al-Nafs (Tahalli)</i>	235
4.5.1	Memantapkan Keimanan	235
4.5.2	Mempertingkatkan Ibadah	241
4.5.3	Mengaplikasikan Sifat-sifat <i>Mahmudah</i>	256
4.6	Peringkat Keenam : Penilaian (<i>Muhasabah</i>) dan Kebahagiaan (<i>al-Sa'adah</i>)	271
4.7	Penutup	273
Bab Lima :	Pusat Kaunseling MAINS (PK MAINS) dan Pelaksanaan Kaunseling.	274
5.1	Pengenalan	274
5.2	Pusat Kaunseling MAINS	274
5.2.1	Lokasi Penyelidikan	274
5.2.2	Sejarah Penubuhan PK MAINS	275
5.2.3	Objektif Penubuhan PK MAINS	277
5.2.4	Matlamat, Motto, Misi dan Visi PK MAINS	277
5.2.5	Struktur Organisasi PK MAINS	278
5.2.6	Peranan PK MAINS	279
5.3	Analisis Jumlah Klien yang Mendapatkan Khidmat Kaunseling di PK MAINS.	288

5.3.1 Analisis Jumlah Klien Berdasarkan Pecahan Bangsa di PK MAINS Seremban	288
5.3.2 Analisis Jumlah Klien Berdasarkan Pecahan Bangsa di PK MAINS Cawangan Tampin	289
5.3.3 Analisis Jumlah Klien Berdasarkan Pecahan Bangsa di PK MAINS cawangan Bahau	290
5.3.4 Analisis Jumlah Klien Berdasarkan Jantina di PK MAINS Seremban	291
5.3.5 Analisis Jumlah Klien Berdasarkan Jantina di PK MAINS cawangan Tampin	292
5.3.6 Analisis Jumlah Klien Berdasarkan Jantina di PK MAINS Cawangan Bahau	292
5.4 Pelaksanaan Proses Kaunseling di Pusat Kaunseling MAINS	293
5.4.1 Jenis-jenis Kes yang dikendalikan di PK MAINS	296
5.4.1.1 Jenis-jenis Kes di PK MAINS Seremban	297
5.4.1.2 Jenis-jenis Kes di PK MAINS Cawangan Tampin	298
5.4.1.3 Jenis-jenis Kes di PK MAINS Cawangan Bahau	299
5.5 Penutup	301
Bab Enam : Aplikasi Pendekatan <i>Da'wah al-Irsyad al-Nafsiyy</i> menurut al-Ghazali di Pusat Kaunseling MAINS	302
6.1 Pengenalan	302
6.2 Latar Belakang Responden	302
6.3 Aplikasi Pendekatan da'wah al-Irsyad al-Nafsiyy menurut al-Ghazali dalam pelaksanaan kaunseling di PK MAINS	305
6.3.1 Mengenali Diri Menurut al-Ghazali dan Aplikasinya dalam kaunseling di PK MAINS	305
6.3.1.1 Mengenal Diri dan Aplikasinya dalam Kaunseling di PK MAINS	306
6.3.1.2 Teori yang Digunakan oleh Kaunselor di PK MAINS bagi Membantu Klien Mengenal Diri Sendiri.	310
6.3.1.3 Kaedah Mengenali Kekurangan Diri dan Aplikasinya dalam Kaunseling	316
6.3.1.4 Perbincangan Mengenai Peranan Hati dalam Menentukan Tingkahlaku dalam Sesi Kaunseling	321

6.3.1.5	Perbincangan Mengenai Hati Menjadi Sakit Jika Tidak Mengenal Allah dalam Proses Kaunseling	325
6.3.1.6	Perbincangan Mengenai Hati Manusia Mudah Berubah-ubah dalam Proses Kaunseling	328
6.3.1.7	Perbincangan Mengenai Pengaruh Syaitan dan Nafsu dalam Diri Manusia dalam Proses Kaunseling	332
6.3.1.8	Perbincangan Mengenai Syaitan Boleh Memasuki Hati Manusia Melalui Sifat Marah, Buruk sangka dan Seumpamanya dalam Proses Kaunseling.	336
6.3.2	<i>Mujahadah al-Nafs</i> menurut al-Ghazali dan Aplikasinya dalam Kaunseling di PK MAINS	339
6.3.2.1	Masalah Kekasaran Tutur Kata dan Kaedah Mengatasinya	341
6.3.2.2	Masalah Bercakap Bohong dan Kaedah Mengatasinya	348
6.3.2.3	Masalah Mengumpat dan Kaedah Mengatasinya	352
6.3.2.4	Masalah Buruk Sangka dan Kaedah Mengatasinya	353
6.3.2.5	Masalah Marah dan Kaedah Mengatasinya	357
6.3.2.6	Masalah Benci dan Kaedah Mengatasinya	361
6.3.2.7	Masalah Dengki dan Kaedah Mengatasinya	365
6.3.2.8	Masalah Cinta Dunia dan Kaedah Mengatasinya	369
6.3.2.9	Masalah Angkuh / Ego dan Kaedah Mengatasinya	372
6.3.2.10	Masalah Sedih dan Kecewa serta Kaedah Mengatasinya	377
6.3.2.11	Masalah Tekanan dan Kaedah Mengatasinya	384
6.3.2.12	Masalah Kebimbangan dan Kaedah Mengatasinya	388
6.3.3	<i>Riyadah al-Nafs</i> dan Aplikasinya dalam Kaunseling di PK MAINS	394
6.3.3.1	Pentingnya Keimanan diaplikasikan dalam Kaunseling	394
6.3.3.2	Perbincangan tentang Ibadah dalam Sesi Kaunseling	398
6.3.3.3	Mencadangkan Klien Mengaplikasikan Sifat-sifat <i>Mahmudah</i> dalam Kaunseling	401

6.3.4 Aspek Spiritual dan Kepentingannya dalam Kaunseling	418
6.3.4.1 Pandangan Kaunselor Bahawa Aspek Spiritual Merupakan Punca Masalah	418
6.3.4.2 Pengalaman Kaunselor bahawa Aspek Spiritual Merupakan Punca Masalah	420
6.3.4.3 Sifat-sifat <i>Madhmumah</i> Sebagai Punca Masalah	422
6.3.4.4 Sifat-sifat <i>Mahmudah</i> Sebagai Salah Satu Kaedah Mengatasi Masalah	423
6.3.5 Kepentingan <i>al-Da'wah al-Fardiyah</i> dalam Menangani Masalah Klien	427
6.4 Penutup	430
Bab Tujuh : Kesimpulan dan Saranan	431
7.1 Kesimpulan	431
7.2 Saranan	437
Bibliografi	443
Lampiran	463

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Statistik Jenayah Juvana bagi tahun 2001-2003 di Malaysia	6
Jadual 5.1	Jumlah klien mengikut Bangsa - Seremban (1998-2006)	288
Jadual 5.2	Jumlah klien mengikut Bangsa – Tampin (2002-2006)	289
Jadual 5.3	Jumlah klien mengikut Bangsa – Bahau (2005-2006)	290
Jadual 5.4	Jumlah keseluruhan klien PK MAINS berdasarkan pecahan bangsa	290
Jadual 5.5	Jumlah klien mengikut Jantina – Seremban (1998 -2006)	291
Jadual 5.6	Jumlah klien mengikut Jantina – Tampin (2002-2006)	292
Jadual 5.7	Jumlah klien mengikut Jantina – Bahau (2005-2006)	292
Jadual 5.8	Jumlah keseluruhan klien PK MAINS berdasarkan Jantina	293
Jadual 5.9	Jenis-jenis kes kaunseling (Seremban) 2000-2006	298
Jadual 5.10	Jenis-jenis kes kaunseling (Tampin) 2002-2006	299
Jadual 5.11	Jenis-jenis kes kaunseling (Bahau) 2005-2006	300
Jadual 5.12	Jumlah keseluruhan jenis-jenis kes kaunseling di PK MAINS	300
Jadual 6.1	Kes-kes berkaitan sifat-sifat <i>Madhmumah</i> yang pernah dikendalikan oleh kaunselor-kaunselor di PK MAINS	341
Jadual 6.2	Punca Masalah Klien	393
Jadual 6.3	Aspek Ibadah yang ditekankan oleh kaunselor dalam sesi kaunseling	401
Jadual 6.4	Sifat-sifat <i>Mahmudah</i> yang ditekankan dalam sesi kaunseling	403
Jadual 6.5	Keseluruhan Tema, Sub Tema dan Koding	406

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 3.1	Peringkat <i>al-Irsyad al-Nafsiyy</i> menurut al-Ghazali	127
Rajah 4.1	Modul Pendekatan <i>Da'wah al-Irsyad al-Nafsiyy</i> menurut al-Ghazali	136
Rajah 4.2	Proses <i>Tazkiyah al-Nafs</i> menurut al-Ghazali	176
Rajah 4.3	Penyakit-penyakit Hati menurut al-Ghazali	232
Rajah 4.4	Kaedah Rawatan Utama dan Khusus Penyakit-penyakit Hati Menurut al-Ghazali	233
Rajah 4.5	Kaedah <i>Tazkiyah al-Nafs</i> menurut al-Ghazali	241
Rajah 5.1	Carta Struktur Organisasi PK MAINS	280
Rajah 5.2	Carta Aliran Perkhidmatan Kaunseling di PK MAINS	295
Rajah 6.1	Proses <i>Tazkiyah al-Nafs</i> dan Aplikasinya dalam sesi kaunseling di PK MAINS	405
Rajah 6.2	Model Keseluruhan	408
Rajah 6.3	Tema Kaunselor Pertama (K1)	409
Rajah 6.4	Tema Kaunselor Kedua (K2)	410
Rajah 6.5	Tema Kaunselor Ketiga (K3)	411
Rajah 6.6	Tema Kaunselor Keempat (K4)	412
Rajah 6.7	Tema Kaunselor Kelima (K5)	413
Rajah 6.8	Tema Kaunselor Keenam (K6)	414
Rajah 6.9	Tema Kaunselor Ketujuh (K7)	415
Rajah 6.10	Tema Kaunselor Kelapan (K8)	416
Rajah 6.11	Tema Kaunselor Kesembilan (K9)	417

SENARAI SINGKATAN KATA

a.s	'alayhi salam
cet.	cetakan
Ed.	Edisi
Et.al	Pengarang bersama
h.	halaman
Ibid	Ibidem. In the same place / di tempat yang sama
J.	Jilid
m.	meninggal
PK MAINS	Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
r.a	Radiya Allah 'anh
s.a.w	Salla Allah 'Alayhi wa Sallam
s.w.t	Subhanahu Wata'ala
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
t.th	tanpa tarikh
Terj.	terjemahan
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A

TRANSKRIPSI TEMU BUAL

LAMPIRAN B

PROTOKOL TEMU BUAL

LAMPIRAN C

BORANG SOAL SELIDIK

TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan dalam tesis ini adalah berdasarkan sistem ejaan baru Bahasa Melayu¹ Manakala perkataan-perkataan Arab dieja berdasarkan sistem transliterasi seperti berikut :

1. KONSONAN

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
أ	a	سَأْلَ	sa'ala
ب	b	بَدْلَ	badala
ت	t	تَمْرَ	tamr
ث	th	ثُورَةً	thawrah
ج	j	جَمَالٌ	jamal
ح	h	حَدِيثٌ	hadith
خ	kh	خَالِدٌ	khalid
د	d	دِيْوَانٌ	diwan
ذ	dh	مَذْهَبٌ	madhab
ر	r	رَحْمَنٌ	Rahman
ز	z	زَمْزَمٌ	zamzam
س	s	سَرَابٌ	sarab
ش	sy	شَمْسٌ	syams
ص	s	صَبْرٌ	sabr
ض	d	ضَمِيرٌ	damir
ط	t	طَاهِرٌ	tahir
ظ	z	ظَاهِرٌ	zuhr
ع	'	عَبْدٌ	'abd
غ	gh	غَيْبٌ	ghayb
ف	f	فَقِهٌ	fiqh
ق	q	قَاضِيٌّ	qadi

¹ Kamus Dewan Edisi ketiga, ketua Editor Hajah Noresah bt Baharom, B.Sc (UM), M.A (Birmingham), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996.

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمار	mizmar
ن	n	نوم	nawm
و	w	هبط	habata
هـ	h	وصل	wasl
يـ	y	يسار	yasar

2. VOKAL

1. Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
أ	a	فعل	fa'ala
إ	i	حسب	hasiba
ع	u	كتب	kutiba

2. Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
أ / إ	a	كاتب , قضى	katib , qada
يـ	i	كريم	karim
وـ	u	حروف	huruf

3. Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
أـ وـ	aw	قول	qawl
يـ	ay	سيف	sayf
يـ	i	رجعي	raj'i atau raj'iy
وـ	uww	عدو	'aduww atau 'adu

**PENDEKATAN DA'WAH AL-IRSYAD AL-NAFS/YY MENURUT AL-GHAZALI :
SATU KAJIAN DI PUSAT KAUNSELING MAJLIS
AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN**

ABSTRAK

Kaunseling dapat memainkan peranan sebagai salah satu pendekatan bagi membendung gejala sosial dalam masyarakat. Walaubagaimanapun, pendekatan kaunseling semasa yang berasaskan teori Barat didapati kurang berkesan dalam menangani masalah ini terutamanya yang melibatkan masyarakat Islam. Ini kerana kebanyakan masalah masyarakat adalah berpunca daripada aspek emosional seperti marah, benci, kecewa dan pelbagai masalah berkait dengan persoalan hati yang lain. Ini menggambarkan terdapat keperluan untuk menerapkan elemen-elemen spiritual dalam kaunseling bagi mengatasi permasalahan itu. Justeru itu kajian ini dijalankan bagi memenuhi keperluan tersebut dengan membina kerangka penerapan nilai *da'wah al-irsyad al-nafsiyy* menurut al-Ghazali secara sistematik dalam pelaksanaan kaunseling yang memberi fokus kepada aspek spiritual manusia. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meneliti adakah pendekatan seumpama tersebut diaplikasikan dalam pelaksanaan kaunseling di PK MAINS. Penyelidikan ini merupakan satu kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Kaedah utama yang digunakan ialah kaedah temu bual di samping beberapa kaedah lain seperti observasi, analisis dokumen dan soal selidik. Alat kajian yang digunakan ialah protokol temu bual dan borang soal selidik. Data-data daripada temu bual dianalisis meliputi proses membuat transkripsi, reduksi, koding dan paparan data. Hasil kajian mendapati terdapat enam peringkat dalam pendekatan *da'wah al-irsyad al-nafsiyy* menurut al-Ghazali iaitu membina kemesraan dengan *mad'u*, mengenal diri, mengenalpasti punca masalah, *mujahadah al-nafs*, *riyadah al-nafs* dan *muhasabah al-nafs*. Antara aspek dalam pendekatan tersebut yang diaplikasikan dalam kaunseling di PK MAINS ialah *ma'rifah al-nafs* dan proses *tazkiyah al-nafs* yang meliputi *mujahadah al-nafs (al-takhalli)* dan *riyadah al-nafs (al-tahalli)*. Kajian ini mendapati kaedah *mujahadah al-nafs* diaplikasikan bagi mengatasi masalah berkaitan sifat-sifat *madhmumah*. Kaedah *riyadah al-nafs* pula diimplementasikan dalam perbincangan berkaitan keimanan, ibadah dan sifat-sifat *mahmudah*. Ibadah yang paling banyak disentuh dalam sesi kaunseling ialah doa, solat dan membaca al-Quran manakala sabar, reda, syukur dan *tawakkal* merupakan sifat-sifat *mahmudah* yang paling banyak disarankan oleh kaunselor. Akhirnya, penemuan ini menunjukkan bahawa pendekatan *da'wah al-irsyad al-nafsiyy* seperti yang disarankan al-Ghazali ada diaplikasikan dalam kaunseling di PK MAINS meskipun secara tidak langsung dan sistematik . Ini membuktikan bahawa pendekatan ini adalah relevan dan menjadi keperluan untuk diaplikasikan dalam sesi kaunseling.

**THE APPROACH OF DA'WAH AL-IRSYAD AL-NAFSIYY ACCORDING
TO AL-GHAZALI : A STUDY AT PUSAT KAUNSELING MAJLIS
AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN**

ABSTRACT

Counseling can play a role as one of the approaches to reduce social problems in the society. However, the existing approach that is based on western theories has been found to be less effective to address the problems especially those surrounding muslim society. This is because most of the root cause to society's problems can be traced from emotional aspects such as anger, hatred, frustration and others which are related to other inner issues. This shows the need to include spiritual elements in the counseling to overcome the problems. Thus, this research is conducted to fulfill the said requirement by developing a systematic framework which adopts al-Ghazali's *da'wah al-irsyad al-nafsiyy* in the counseling session that focus on human's spiritual aspects. Besides, this research also tries to observe whether such approach is applied in the counseling session at PK MAINS. This research is a qualitative research with a case study design. The methodology used in this research was mainly through interviews as well as other methods such as observation, document analysis and questionnaire. The instrument used in this research were interview protocol and questionnaire form. The data from the interviews were analysed by a qualitative method which included the process of making transcription, reduction, coding and data reporting. The research findings established that there are six stages in al-Ghazali's *da'wah al-irsyad al-nafsiyy* namely to develop close rapport with *mad'u*, understanding oneself, identify the root causes of the problems, *mujahadah al-nafs*, *riyadah al-nafs* and *muhasabah al-nafs*. Amongst the aspect in this approach that is being implemented in counseling at PK MAINS are *ma'rifah al-nafs* and the process of *tazkiyah al-nafs* which cover *mujahadah al-nafs (al-takhalli)* and *riyadah a-nafs (al-tahalli)*. The research revealed that the approach of *mujahadah al-nafs* had been applied to solve problems that are related to *al-sifat al-madhmumah*. Al-Ghazali's method of *riyadah al-nafs* were also implemented in the discussion of faith, *'ibadah* and *al-sifat al-mahmudah*. The *'ibadah* that were mostly discussed in the counseling session were reciting *al-du'a*, performing ritual prayer and recitation of the Quran while patience, *rida*, gratitude and full submission to God (*tawakkal*) are amongst the *al-sifat al-mahmudah* that were recommended by counselors. Finally, this finding shows that the approach of *da'wah al-irsyad al-nafsiyy* suggested by al-Ghazali is being applied in the counseling session at PK MAINS although it is not deliberately and systematically exercised. This proves that the approach is relevant and necessary to be applied in the counseling session.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Matlamat utama kajian ini ialah membina kerangka penerapan nilai *da'wah al-irsyad al-nafsiyy* menurut al-Ghazali dalam kaunseling yang difikirkan dapat membantu masyarakat dalam menangani masalah berkaitan spiritual di samping dapat mempelbagaikan strategi *da'wah*. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti adakah kaedah seumpama pendekatan *da'wah al-irsyad al-nafsiyy* menurut al-Ghazali diaplikasikan dalam pelaksanaan kaunseling di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS).¹

Pemilihan lokasi kajian iaitu PK MAINS, difikirkan dapat menggabungjalinkan ilmu *da'wah* dengan ilmu kaunseling ² di samping dapat memperlihatkan sejauhmanakah keperluan disepadukan kedua-dua bidang ilmu tersebut dalam menyelesaikan masalah masyarakat pada masa kini.

¹ Selepas ini pengkaji menggunakan PK MAINS sebagai singkatan kepada Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

² Kaunseling merupakan suatu proses bersifat intensif bagi membantu seorang yang normal mencapai matlamat mereka atau berfungsi secara efektif. (Ivey, Allen E, Ivey Mary B & Lynn Simck D, 1980, *Counseling and Psychotherapy, Integrating Skills, theory and practice*, New Jersey : Prentice Hall, Englewood Cliffs, h.18). Lihat juga Ivey Allen E & Ivey Mary B, 2003, *Intentional Interviewing and Counseling : Facilitating Client Development in a Multicultural Society*, ed.ke 5, USA : Thomson Brooks/Cole, h.18). Burks & Steffire pula menjelaskan kaunseling ialah hubungan antara seorang kaunselor terlatih dengan klien yang bertujuan membantu klien memperjelaskan pandangannya tentang kehidupan serta belajar untuk mencapai keputusan sendiri. (Burks, Herbert M & Steffire, Buford, 1979, *Theories of Counseling*. New York : Mc Graw-Hill Book Company, h.14). Patterson pula menghuraikan kaunseling merupakan satu perkhidmatan profesional bagi membantu klien memahami diri mereka serta hubungannya dengan dunia persekitaran. Ia juga bertujuan membangunkan potensi klien sehingga dapat berfungsi secara optimum bagi mencapai kebolehannya di samping mempertingkatkan pencapaian individu dan sumbangannya kepada masyarakat dengan menggunakan segala kelebihan yang dimilikinya. (Patterson, C, 1971, *An Introduction to Counseling In The School*, New York : Harper & Row, h.15-16) Manakala Arbuckle menyatakan kaunseling adalah bertujuan membantu klien memahami dirinya yang sebenar, mengenali kelebihan dan kekurangannya. (Arbuckle, Dugald S, 1970, *Counseling Philosophy, Theory and Practice*, Boston : Allyn and Bacon, h.51). Shertzer & Stone pula menerangkan matlamat asas kaunseling ialah ke arah perubahan tingkahlaku supaya klien dapat menjalani kehidupan secara lebih produktif. (Shertzer, Bruce & Stone, Shelley C, 1976, *Fundamentals of Guidance*, Boston : Houghton Mifflin Company, h.165.)

Perkataan *al-irsyad al-nafsiyy* secara spesifik memang tidak terdapat dalam mana-mana penulisan al-Ghazali. Namun perkataan ini ada dinyatakan secara berasingan. Contohnya perkataan *al-irsyad* ditemui di tiga tempat dalam *Ihya'* iaitu dalam *Kitab al-Amr bi al-Ma'ruf*³, *Kitab al-Sabr wa al-Syukr*⁴ dan *Kitab al-Halal wa al-Haram*⁵ yang disimpulkan maksudnya sebagai suatu kaedah membimbing, mengajar atau menunjukkan cara menuju ke arah kebaikan (*maslahah / ma'ruf*) atau matlamat mengikut syariat Islam. Perkataan *al-nafsiyy* atau spiritual dan kerohanian adalah merujuk kepada empat elemen spiritual iaitu *al-nuh*, *al-qalb*, *al-'aql* dan *al-nafs* yang kesemuanya itu secara jelas mewakili elemen spiritual manusia.

Justeru itu apabila digabungkan perkataan tersebut, *al-irsyad al-nafsiyy* menurut al-Ghazali bermaksud satu kaedah membimbing, mengajar atau menunjukkan cara menuju ke arah kebaikan (*maslahah/ma'ruf*) berpandukan syariat Islam yang memfokus kepada aspek spiritual manusia termasuklah *al-nuh*, *al-qalb*, *al-'aql* dan *al-nafs*. Proses *al-irsyad al-nafsiyy*⁶ menurut al-Ghazali pula meliputi pelbagai kaedah yang dapat dirumuskan kepada *ma'rifah al-nafs* dan *tazkiyah al-nafs* (*mujahadah al-nafs* dan *riyadah al-nafs*)⁷ yang bukan sekadar menyelesaikan masalah dalam kehidupan manusia malah turut membantu bagi mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat (*al-sa'adah*).

³ Al-Ghazali, 2000, *Ihya' 'Ulum al-Din*, J.2, Kaherah : Dar al-Taqwa li al-Turath, h.198. Kitab ini selepas ini hanya dicatat sebagai *Ihya'* sahaja.

⁴ Ibid., J.3, h.542

⁵ Ibid., J.2, h.198

⁶ al-Ghazali, 1983, *Mizan al-'Amal*, Beirut : Dar al-Kitab al-'Arabi, h. 4, 17 dan 49. Lihat juga Al-Ghazali, *Ihya'*, *Kitab Riyadah al-Nafs*, J.2, h. 624, Umaruddin, Muhammad, 1977, *The Ethical Philosophy of al-Ghazzali*, Lahore:Sh.Muhammad Ashraf, h.110.

⁷ al-Ghazali, *Ihya'*, *Kitab Syarh 'Ajaib al-Qalb*, J.2, h.430, 539 dan 553, al-Ghazali, *Ihya'*, *Kitab Riyadah al-Nafs*, J.2, h. 602, 607, 624 dan 630, al-Ghazali, 1994, *Rawdah al-Talibin, wa 'Umdah al- Salikin dalam Majmu'ah Rasail al-Imam al-Ghazali* (2), Beirut : Dar al-Kutub al-'ilmiah, h.15 dan 79, Al-Ghazali, *Kitab Mizan al-'Amal*, h.17 dan 47, al-Ghazali, *Kimiya' al-Sa'adah dalam Majmu'ah Rasail al-Imam al-Ghazali* (5), h.124, al-Ghazali, *al-Munqidh min al-Dalal dalam Majmu'ah Rasail al-Imam al-Ghazali* (7), h.56

Pendekatan *da'wah al-irsyad al-nafsiyy* merupakan salah satu pendekatan *da'wah* yang difikirkan relevan dengan keperluan semasa masyarakat Islam kerana pendekatan ini menekankan kepada aspek spiritual yang berusaha membimbing masyarakat ke arah penghayatan rohani. Pendekatan ini juga wajar diketengahkan kerana masyarakat masa kini bukan sahaja menghadapi masalah yang datangnya daripada luaran tetapi masalah yang berpunca daripada aspek dalaman adalah lebih membimbangkan.⁸

1.2 Pernyataan Masalah

Perkembangan ilmu *da'wah* pada umumnya masih terbatas kepada paradigma *tabligh* (menyampaikan) di mana *da'i* berfungsi sebagai pihak yang memberi, menyampaikan dan mengajak sedangkan *mad'u* sebagai pihak yang menerima, diajak dan diseru. *Da'wah* bersifat persuasif amat penting diaplikasikan pada masa kini kerana *da'i* mengajak *mad'u* mengikuti cara berfikir *da'i* sehingga *mad'u* mengikuti ajakan *da'i* tetapi merasa sedang mengikuti kehendak sendiri.⁹

Berda'wah kepada individu yang normal memadai dilakukan dengan pendekatan menyampaikan tetapi berda'wah kepada masyarakat yang sedang menghadapi masalah atau individu yang terganggu jiwanya, memerlukan pendekatan khusus secara berhadapan muka. Contohnya *mad'u* yang sedang menghadapi

⁸ Schultz, Duane P & Schultz Sydney Ellen, 2005, *Theories of Personality*, USA: Thomson Wadsworth, h.314. Lihat juga Buzan,Tony, 2001, *The Power of Spiritual Intelligence*, London : Thorsons, h.xiii. al-'Ik, Khalid Abdul Rahman, 2005, *Tarbiyyah al-Abna' wa al-Banat fi Daw' al-Quran wa al-Sunnah*, Beirut : Dar al-Ma'rifah, h.178. Siti Aishah Abdul Rahman dan Siti Norlina Muhammad, 2004, *Fenomena Sumbang Mahram di Malaysia, Tinjauan Awal terhadap Isu dan Metod Penyelesaian dari Perspektif Islam*, Prosiding Seminar Kebangsaan ke-3, Psikologi dan Masyarakat, Gejala Sosial dalam Masyarakat, 4&5 Oktober di Pusat Latihan KWSP (ESSET), UKM, h.325, Ismail Ibrahim, 2004, *Isu Islam Semasa*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.h.80 dan 84, Abdul Rashid Abdul Rahman, 1995, *Masyarakat Melayu : Jenayah Remaja dan Penyelesaiannya* dalam Mahadi Osman, Syed Nurul Akla Syed Abdullah & Sa'adiah Hassan, *Masyarakat Melayu dan Gejala Sosial : Proses Penyelesaian ke arah Pembinaan Masyarakat Melayu Cemerlang abad ke-21*, Kuala Lumpur : Institut Perkembangan Minda.

⁹ Achmad Mubarok, 2000, *al-Irsyad al-Nafs, Konseling Agama: Teori dan Kasus*, Jakarta : PT Bina Rena Pariwara, h.xxiii.

kekecewaan, menghadapi peristiwa trauma atau *mad'u* yang sentiasa berdosa, mereka ini bukan mudah didekati dengan ceramah *da'wah*.

Dalam konteks ini, seorang *da'i* perlu mendengar terlebih dahulu apa yang dirasai oleh *mad'u* dan memahami bagaimana persepsi *mad'u* terhadap realiti yang sedang ditempuhi. Dalam situasi sebegini *mad'u* tidak lagi memerlukan informasi tetapi amat mengharapkan dorongan psikologi agar mereka mengetahui potensi diri dan mempunyai keyakinan kendiri untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapinya.¹⁰ *Da'wah* sebegini adalah termasuk dalam kategori *al-da'wah al-fardiyah*.

Pendekatan *al-da'wah al-fardiyah* yang memberi tumpuan kepada *al-irsyad al-nafsiyy* merupakan salah satu pendekatan yang difikirkan perlu pada masa kini. Keperluannya lebih dirasakan sejak kebelakangan ini lantaran masyarakat Malaysia sering berhadapan dengan pelbagai konflik kehidupan. Peningkatan gejala sosial yang sememangnya menjadi tamparan hebat kepada pembangunan rohani dan pembinaan masyarakat madani menuntut pelbagai pihak termasuklah para *da'i*, mengorak langkah ke arah memperkasakan lagi praktik *da'wah* agar usaha *da'wah* yang dijalankan dapat berfungsi ke arah mengurangkan bebanan negara menyelesaikan masalah sosial dan keruntuhan nilai-nilai murni di kalangan masyarakat.

Peningkatan gejala sosial dalam masyarakat semakin membimbangkan semua pihak. Akibat kepekaan kepada masalah tersebut, Jabatan Psikologi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia telah menganjurkan seminar bertajuk *Gejala Sosial Dalam Masyarakat* pada 4 dan 5 Oktober 2004, bagi memikir, mengumpul maklumat serta mencadangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak-pihak berwajib bagi membendung masalah sosial dalam masyarakat.

¹⁰ Ibid.

Antara contoh gejala sosial yang semakin merunsingkan banyak pihak ialah gejala sumbang mahram. Azhar Muhammad et.al memaparkan kenyataan yang dikemukakan oleh Datuk Seri Rafidah Aziz dalam ucapannya di Perhimpunan Agong Pergerakan Wanita UMNO pada 19 Jun 2002.

Dalam kenyataan tersebut, Datuk Seri Rafidah telah melahirkan rasa bimbang dengan perkembangan jenayah sumbang mahram yang berlaku terutama di kalangan orang-orang Melayu. Antara tahun 1997 hingga Mac 2002, terdapat sebanyak 1,371 kes sumbang mahram dengan 907 kes melibatkan mereka yang ada pertalian darah dan 464 kes melibatkan mereka yang tiada pertalian darah. Dari segi pecahan mengikut kaum, dalam kes-kes yang tiada pertalian darah sebanyak 326 kes atau 70.2 % daripada kes-kes sumbang mahram adalah di kalangan orang Melayu. 7.1%, di kalangan orang India dan 3.7 % di kalangan kaum Cina. Selebihnya adalah di kalangan kaum-kaum lain. Manakala di kalangan kes-kes sumbang mahram antara mereka yang ada pertalian darah, 70 % atau 634 kes adalah di kalangan orang Melayu.¹¹

Selain sumbang mahram, masalah jenayah juvana turut membimbangkan. Antara jenis-jenis jenayah yang dilakukan ialah mencuri, bergaduh dan membunuh.¹² Statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia dapat membuktikan yang jenayah juvana bukan sahaja melibatkan kes-kes jenayah domestik seperti buli, bergaduh tetapi juga dalam jenayah serius seperti samun, rogol dan bunuh. Kesalahan juvana yang paling banyak melibatkan kes pecah rumah dan curi diikuti dengan mencederakan orang

¹¹ Azhar Muhammad, Kamarul Azmi Bin Jasmi, Zaini Mohd. Salleh, 2004, *Pendidikan sebagai Asas Pencegahan Sumbang Mahram di kalangan Orang-orang Melayu*, Seminar Gejala Sosial Dalam Masyarakat : Prosiding Seminar kebangsaan ke-3 Psikologi dan Masyarakat, ESSET Universiti Kebangsaan Malaysia, 4 dan 5 Oktober, 2004. Pusat Penerbitan dan Teknologi Pendidikan UKM, h.130.

¹² Fatimah Yusro Hashim dan Salawati Desa, 2004, *Implementasi Undang-undang terhadap Penjenayah Juvana : Implikasi dalam menangani Gejala Sosial di Kalangan Pesalah Juvana*, Seminar Gejala Sosial Dalam Masyarakat : Prosiding Seminar kebangsaan ke-3 Psikologi dan Masyarakat, ESSET Universiti Kebangsaan Malaysia, 4 dan 5 Oktober, 2004. Pusat Penerbitan dan Teknologi Pendidikan UKM, h.247.

sama ada secara bergaduh atau buli di sekolah. Statistik tersebut juga menunjukkan secara jelas bahawa jenayah seksual di kalangan juvana adalah tinggi kerana perbuatan merogol sahaja dicatatkan sebanyak 141 kes manakala cabul pula sebanyak 139 kes.¹³

Hakikatnya banyak lagi bentuk-bentuk gejala sosial yang menular dalam masyarakat kita hari ini. Masalah ini bukan sahaja membimbangkan banyak pihak tetapi turut mendorong pihak-pihak tertentu memberikan perhatian serius kepada masalah ini. Salah satu pihak yang bukan sahaja turut memikirkan tetapi merupakan pihak yang sering diharapkan untuk mengurangkan atau menghapuskan masalah ini ialah golongan ulama serta penda'wah yang selalu disinonimkan sebagai kelompok masyarakat yang berpotensi membimbangi masyarakat ke arah perubahan tingkah laku positif dengan meninggalkan tingkah laku negatif.

Jadual 1.1 : Statistik Jenayah Juvana bagi tahun 2001-2003 di Malaysia

Jenis Jenayah	Bilangan kes
Curi	3161
Mendatangkan kecederaan	418
Pecah rumah	1066
Kongsi Gelap	37
Samun	279
Bunuh	50
Rogol	141
Cabul	139
Liwat	39
Sumbang mahram	19

Sumber : PDRM sebagaimana dicatatkan dalam prosiding Seminar Kebangsaan ke 3 Psikologi dan Masyarakat, Gejala Sosial dalam Masyarakat. Halaman 250.

Sehubungan dengan itu, keperluan masyarakat kepada penda'wah yang bersifat versatil serta gigih dan dinamik pasti akan meningkat selaras dengan peningkatan gejala sosial dalam masyarakat. Perkara ini sudah tentu menjadi satu cabaran hebat kepada golongan penda'wah lantaran mereka adalah antara individu-individu yang dipertanggungjawabkan untuk membendung gejala sosial dalam masyarakat masa kini.

¹³ Ibid.

Bagi memenuhi keperluan menangani masalah keruntuhan moral dalam masyarakat yang semakin meruncing, para *da'i* wajar mengaplikasikan pendekatan *da'wah al-irsyad al-nafsiyy* dalam kaunseling. Nik Yusri Musa menyatakan memang terdapat hubungan di antara *da'wah* dan kaunseling. Perkara ini diperjelaskan ketika membincangkan tentang apa yang disebutnya sebagai kaunseling Islam bahawa dalam situasi-situasi tertentu, proses kaunseling Islam merupakan satu proses *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* kerana menjadi kewajipan kaunselor memberi keterangan dan penjelasan kepada klien bahawa ia tidak boleh melakukan perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah s.w.t dengan menggunakan pendekatan psikologi.¹⁴

Nik Yusri turut berpendapat proses *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* adalah antara metode *da'wah* dalam usaha menyeru dan mengembalikan manusia kepada fitrah kejadiannya dengan melahirkan kembali potensi-potensi '*ubudiyyah* klien agar ia dapat menjalankan tugasnya sebagai khalifah Allah s.w.t di muka bumi dengan sempurna. Hakikatnya ia bukan sahaja sebagai satu bimbingan, pertolongan atau nasihat yang bermatlamatkan menyelesaikan masalah klien di dunia ini semata, tetapi juga untuk kesejahteraan mereka di dunia dan akhirat. Ini jelas kerana dalam aspek pembangunan insan, Islam menganjurkan pembangunan yang berteraskan kepada penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) yang dapat memandu manusia ke arah ketenangan jiwa. Hasil paparan ini dapat dikenalpasti bahawa proses kaunseling Islam mempunyai hubungan secara langsung dengan pendekatan *da'wah al-irsyad al-nafsiyy*.¹⁵

Hassan Langgulung turut mengakui bahawa terdapat hubungan di antara *da'wah* dan kaunseling dengan mengatakan bahawa proses kaunseling Islam merupakan satu proses pengajaran dan pembelajaran psiko-sosial yang berlaku dalam

¹⁴ Nik Yusri Bin Musa ,1998, *Kaunseling Islam : Asas Penyelesaian Kecelaruan Jiwa Menurut Hadith Rasulullah s.a.w.* Disertasi Sarjana Bahagian Pengajian Usuluddin, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h.114

¹⁵ Ibid.

bentuk bersemuka antara kaunselor dan klien. Dalam proses ini diaplikasikan teknik-teknik dan kaedah-kaedah profesional yang bertujuan menolong klien menyelesaikan masalah, mengenali diri, memahami kebolehan-kebolehan kendiri, menggalakkan klien untuk menerima qada' dan qadar Allah s.w.t serta membuat keputusan berpandukan syariah Allah s.w.t sehingga ia sendiri menghendaki yang halal dan meninggalkan yang haram kerana mencari keredaan Allah s.w.t.¹⁶

Hal ini jelas menunjukkan bahawa dalam proses kaunseling Islam tersebut berlaku aktiviti *da'wah* iaitu membimbing klien menerima qada' dan qadar Allah s.w.t serta membuat keputusan berpandukan syariah Allah s.w.t. Aplikasi pendekatan *al-irsyad al-nafsiyy* pula turut berlaku apabila kaunselor membimbing klien menyelesaikan masalah, mengenali diri serta memahami kebolehan-kebolehan kendiri.

Justeru itu, dirumuskan di sini bahawa pendekatan *da'wah al-irsyad al-nafsiyy* merupakan pendekatan yang wajar diaplikasikan dalam amalan *al-da'wah al-fardiyah* kerana *da'wah* jenis ini dilakukan secara berhadapan muka antara *da'i* dan *mad'u*. Bagi memenuhi keperluan ini, pengkaji memilih PK MAINS sebagai lokasi kajian kerana ia menyediakan satu wadah atau *setting* yang sesuai bagi merealisasikan pendekatan *da'wah al-irsyad al-nafsiyy*. Syed Hasanuddin Ahmad menegaskan *da'wah* yang dilakukan secara seorang dengan seorang (*one to one*) pada masa yang sesuai di antara *da'i* dan *mad'u* terbukti merupakan pendekatan *da'wah* yang efektif kerana *mad'u* dengan bebas dapat meluahkan segala isi hati dan pemikiran mereka dalam perbincangan bersama *da'i*.¹⁷

¹⁶ Hassan Langgulung, 1990, *Kaunseling dalam Masyarakat Islam*, Seminar Kebangsaan Kaunseling Dalam Masyarakat Islam, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur, 25-26 September, h. 29

¹⁷ Syed Hasanuddin Ahmad, 2000, *Some Useful Means and Methods of Da'wah Ila Allah*, Majalah Da'wah Highlights, vol. xi, Issue : iv, April 2000. Islamabad : International Islamic University.

Usaha pengkaji ini juga adalah lanjutan daripada fenomena semasa yang begitu memerlukan penerapan nilai-nilai agama, spiritual dan *da'wah* dalam proses kaunseling. Keperluan ini sudah disedari oleh beberapa tokoh psikologi kaunseling terdahulu sama ada di luar mahupun dalam negara antaranya Carl G.Jung, seorang Psikoanalisa yang mengakui perlunya diserapkan nilai-nilai agama dalam kaunseling dengan menyatakan ;

“During the past thirty years, people from all the civilized countries of the earth have consulted me. I have treated many hundreds of patients. Among all my patients in the second half of life, that is to say, over thirty five there has not been one whose problem in the last resort was not that of finding a religious outlook on life. It is safe to say that every one of them fell ill because he had lost that which the living religious of every age have given to their followers and none of them has been really healed who did not regain his religious outlook”¹⁸

“Selama tiga puluh tahun yang lalu, telah ramai klien dari pelbagai negara maju di dunia ini telah merujuk kepada saya. Saya telah merawat beratus-ratus pesakit. Di kalangan pesakit-pesakit saya yang berada pada penggal kedua umur –(aitu lebih daripada tiga puluh lima tahun), tiada seorang pun yang menghadapi masalah tanpa akhirnya merujuk kepada agama tentang kehidupan. Dapat dikatakan bahawa setiap mereka mengalami sakit kerana mereka telah kehilangan sesuatu yang telah diberikan oleh agama-agama yang ada di setiap masa. Sesungguhnya, tidak ada seorang pun di antara mereka yang benar-benar sembuh kecuali setelah dia kembali kepada wawasan agama dalam kehidupannya”

Di samping itu, pengkaji-pengkaji Barat kini turut mengakui perlunya dibincangkan isu-isu agama dan spiritual dalam pelaksanaan proses kaunseling. Contohnya kajian yang dilakukan di Escambia County, Florida oleh Quackenbos, Privette & Klientz yang mendapati dalam hasil kajian mereka bahawa 79% daripada kalangan klien berpendapat bahawa nilai-nilai agama merupakan antara topik utama yang dibincangkan dalam sesi kaunseling.¹⁹ Kajian yang dijalankan oleh Shafranske dan Malony turut mendapati bahawa ahli-ahli psikologi melaporkan 60% daripada klien

¹⁸ Jung, Carl G., 1933, *Modern Man in Search of a Soul*. Terj. W.S.Dell & Cary F.Baynes. London : Routledge & Kegan Paul Ltd.h.264.

¹⁹ Quackenbos,S., Privette, G., & Klientz,B., 1985, *Psychotherapy : Sacred or Secular?* Journal of Counseling and Development. Alexandra : American Association for Counselling and Development. Vol.63, January 1985. 290-293

mereka sering menggunakan nilai-nilai agama untuk menghuraikan pengalaman peribadi.²⁰

Tokoh-tokoh akademik di Malaysia turut menyedari perlunya diserapkan nilai-nilai agama dan *da'wah* dalam pelaksanaan sesi kaunseling. Hassan Langgulung dalam kertas kerjanya menegaskan perlunya penilaian semula kepada ilmu kaunseling semasa terutama menilainya dari perspektif Islam agar amalan kaunseling di Malaysia dapat dikelolakan dalam bentuk yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah masyarakat dan bersesuaian pula dengan konteks budaya serta nilai-nilai agama.²¹

Beliau turut mengulas, walaupun pakar-pakar psikoterapi Barat dianggap sebagai pelopor dalam bidang ini, namun mengamalkan pendekatan kaunseling mereka dalam masyarakat Islam bukanlah suatu yang ideal lagi sesuai, malahan ia perlu dikaji dan diteliti dengan serius oleh pakar-pakar psikologi Islam. Menurutnya lagi, ketidaksesuaian tersebut adalah berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan antaranya memindahkan pendekatan bimbingan dan kaunseling dari satu masyarakat kepada masyarakat lain tanpa melihat perbezaan ideologi, budaya, pandangan serta nilai-nilai yang menjadi ukuran baik buruknya sesuatu masyarakat merupakan satu kesilapan metodologi yang perlu dikaji dan dinilai semula.²²

Malik Badri turut mencadangkan nilai-nilai Islam diaplikasikan dalam pelaksanaan proses kaunseling kerana ternyata terapi Islam yang digunakan dalam kaunseling lebih efektif dalam menangani masalah klien. Perkara ini ada dinyatakan dalam kertas kerjanya :

During my thirty years of psychotherapeutic practice, I was, with the Grace of Allah, able to treat many patients through Islamic therapy when other secular and drug therapies have failed to bring them relief and

²⁰ Shafranske, E.P., & Malony H.N, 1990, *Clinical Psychologists' Religious and Spiritual Orientations and their Practice of Psychotherapy*. Psychotherapy, American Psychological Association. 27 (1), 72-78.

²¹ Hasan Langgulung, *Kaunseling dalam Masyarakat Islam*, Seminar Kebangsaan Kaunseling dalam Masyarakat Islam, h.3

²² Ibid.

tranquility. In the Khartoum North Clinic for Nervous Disorders, where I served as a senior psychologist, most of the patients referred to me were the 'reject' who failed to get any benefit from psychiatric drug and other therapies. Whenever I combined my behaviour and cognitive therapy with Islamic teaching and spiritual sentiments the improvement in my patients was beyond my expectations.²³

Selama 30 tahun perkhidmatan saya dalam psikoterapi, dengan izin Allah s.w.t saya mampu merawat ramai klien menerusi pendekatan terapi Islam sedangkan terapi sekular dan dadah gagal untuk memulih dan memberi ketenangan kepada klien. Di Khartoum North Clinic for Nervous Disorders, di mana saya berkhidmat sebagai seorang ahli psikologi kanan, kebanyakan klien yang dirujuk kepada saya merupakan klien yang gagal mendapat manfaat daripada pakar psikologi dadah dan ahli terapi lain. Walaubagaimanapun, apabila saya menggabungkan kaedah terapi kognitif dan tingkahlaku saya dengan ajaran Islam serta sentimen-sentimen kerohanian, perubahan positif yang berlaku ke atas pesakit-pesakit saya adalah di luar jangkaan.

Malik Badri mengakui bahawa Islam dapat menyelesaikan segala macam masalah manusia di dunia ini termasuklah masalah Aids di mana orang-orang Barat gagal mengatasi masalah tersebut meskipun mereka telah melakukan berbagai-bagai langkah pencegahan dengan teknologi yang moden.²⁴

Kesedaran kepada kenyataan ini mendorong usaha-usaha dilakukan bagi menerapkan nilai-nilai Islam dan *da'wah* dalam kaunseling kerana kaunseling berpendekatan Islam menawarkan penyelesaian daripada akar umbinya. Pandangan ini juga disokong oleh kenyataan Malik Badri (1995) dalam kertas kerjanya bertajuk "Successes with Islamic Counseling and Psychotherapy";

Just imagine what will happen to such patients if the therapist avoids to speak about their spiritual cognitions and religious beliefs? What will happen to them if he simply follows the American textbook of helping them to actualize themselves through materialistic means or simply give them drugs as many psychiatrists do? Their agonies may be reduced by the therapist's friendliness or the psychiatrist's hypnotic drugs, but as these fade off, the real problem will still be there and the guilt, depression

²³ Badri, Malik 1997, *Is the Islamization of Psychological Therapy and Counseling Really Necessary ? And are the Contribution of Early Muslim Scholars of any Relevance to Modern Psychotherapists?* Seminar Kebangsaan Kaunseling Islam VI. Kuala Lumpur, 20 September.

²⁴ Badri, Malik, 2000, *The Aids Crisis. A Natural Product of Modernity's Sexual Revolution.* Kuala Lumpur : Medeena Books.

and anxiety may return with boosted vigour. An Islamically oriented approach however goes to the root of the problem.²⁵

Cuba bayangkan apakah yang akan berlaku kepada pesakit-pesakit tersebut jika golongan terapis menolak untuk membicarakan aspek rohani dan kepercayaan agama? Apakah yang akan berlaku, jika mereka sekadar mengikut Buku teks Amerika dalam usaha mencapai aktualisasi diri menerusi pendekatan berunsur materialistik atau sekadar memberikan dadah sebagaimana kebiasaan dilakukan oleh pakar sakit jiwa? Penderitaan mereka mungkin dapat dikurangkan dengan keramahan pakar sakit jiwa atau kesan dadah tersebut tetapi apabila perkara-perkara tersebut hilang, didapati masalah sebenar masih wujud. Rasa bersalah, tertekan dan kebimbangan mungkin kembali wujud dalam keadaan yang lebih parah. Sebaliknya pendekatan berorientasikan Islam melihat kepada punca sebenar sesuatu masalah.

Bagi mengukuhkan kenyataan di atas, saranan Abdu Rahman Ibrahim dalam kajian sarjananya dapat membuktikan betapa perlunya nilai-nilai Islam diasimilasikan dalam pelaksanaan proses kaunseling. Beliau menyarankan perlunya unit kerjaya dan kaunseling melaksanakan perkhidmatan kaunseling Islam kepada pelajar dan kakitangan di UiTM Shah Alam. Beliau juga mencadangkan agar kaunselor memberi penekanan kepada klien yang beragama Islam supaya kembali ke jalan yang diredai Allah s.w.t dengan menghayati al-Quran, mengenal diri dan asal kejadian, tujuan ia diciptakan, matlamat kehidupannya serta tempat kembalinya dengan mengukuhkan keimanan kepada Allah s.w.t.²⁶

Ini membuktikan satu anjakan paradigma dalam pelaksanaan kaunseling perlu dilakukan lantaran masalah manusia perlu diselesaikan dengan memberikan penekanan kepada penyelesaian bukan sekadar aspek fizikal dan material semata-mata tetapi turut mengambil kira kepentingan aspek-aspek spiritual.

Berdasarkan kelemahan yang ketara dalam amalan kaunseling semasa, pengkaji merasa terpanggil untuk membina satu kerangka penerapan nilai-nilai Islam dan

²⁵ Badri, Malik, 1995, *Successes with Islamic Counseling and Psychotherapy*, Seminar Kebangsaan Kaunseling Islam IV, Kuala Lumpur, Dewan Muktamar Pusat Islam.

²⁶ Abdu Rahman Ibrahim, 2001, *Peranan Kaunseling dalam Dakwah : Kajian Khusus di Unit Kerjaya dan Kaunseling UiTM Shah Alam*, Disertasi Sarjana Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

da'wah dalam pelaksanaan kaunseling. Justeru itu kajian ini memberikan penekanan kepada aspek-aspek spiritual (*al-nafs*, *al-ruh*, *al-'aql* dan *al-qalb*) yang terangkum dalam pembinaan spiritual manusia dengan nama pendekatan *da'wah al-irsyad al-nafsiyy* yang diharapkan dapat memberi panduan kepada kaunselor-kaunselor muslim menyelesaikan masalah klien di samping dapat berperanan sebagai *da'i* kontemporari.

Kesimpulannya, pendekatan *da'wah al-irsyad al-nafsiyy* merupakan salah satu pendekatan *da'wah* yang diperlukan di kalangan masyarakat masa kini yang sering berhadapan dengan pelbagai masalah dalam kehidupan. Manusia sebagai makhluk yang lemah, kadang-kadang tidak mampu menghadapi masalah kehidupan yang berat lagi membebankan. Justeru itu, manusia memerlukan pertolongan orang lain. Lebih-lebih lagi jika masalah yang dihadapinya itu berkait dengan gangguan kejiwaan. Sudah tentu dia memerlukan seseorang yang dapat membimbingnya dari sudut kejiwaan, memulihkan keyakinan kepada diri sendiri, membetulkan cara berfikir sehingga mampu menerima kenyataan malah berupaya mengatasi masalah yang dihadapinya.

Pengkaji memilih untuk mengkaji pemikiran al-Ghazali kerana merasa terdorong oleh kenyataan yang dikemukakan oleh Malik Badri yang mengatakan kajian dalam bidang berkaitan ilmu jiwa dan bimbingan spiritual seperti kaunseling dan psikoterapi patut mengenengahkan tokoh-tokoh Islam gemilang seperti al-Ghazali dan seumpamanya.

I must at once strongly state that if Muslim psychologists and psychotherapists patiently read into the rich literature of early muslim physicians and philosophical psychologists such as Ibnu Sina, al-Ghazali and al-Balkhi²⁷ and formulated their theories and practices along their

²⁷ Al-Balkhi, Abu Zayd Ahmad B. Sahl, seorang ulama terkenal kerana sumbangannya dalam bidang geografi khususnya melalui buku karangannya yang bertajuk *Taqwim al-Buldan* (920M). Beliau turut dikenali dalam bidang syariah, falsafah, sastera dan seni. Dilahirkan di Syamistyan, sebuah perkampungan yang terletak berhampiran Balkh di Khurasan pada tahun 236 H / 850 M. Meninggal dunia ketika berusia melebihi 80 tahun dalam Bulan Zulkaedah 322 H / Oktober 934 M. Bapanya seorang guru besar dari Sijistan. Sejak muda sudah berhasrat mempelajari Doktrin Imamiyya, mazhab yang dipegangnya. Al-Balkhi pernah mengembara ke Iraq dengan berjalan kaki bersama-sama kafilah haji. Beliau tinggal di Iraq selama 8 tahun, menjadi anak murid kepada tokoh falsafah terkenal iaitu al-Kindi. Sepanjang tinggal di Iraq, al-Balkhi mempelajari ilmu falsafah, astrologi, astronomi, perubatan dan sains tulin (E.J.Brill, 1987, First

*guidance, they would have been the pioneers of the most modern forms of therapy which took the west more than 70 years to develop.*²⁸

Saya dengan tegas ingin menyatakan bahawa sekiranya ahli psikologi dan psikoterapi Islam secara tekun membaca peninggalan khazanah ilmu yang tidak ternilai daripada kalangan ahli fizik dan pakar psikologi Islam yang awal seperti Ibnu Sina, al-Ghazali serta al-Balkhi dan merumuskan teori dan praktis mengikut panduan mereka dalam bidang bimbingan, mereka sudah pasti akan menjadi perintis kepada terapi moden di mana orang Barat mengambil masa lebih 70 tahun untuk membangunkannya.

Shiva Khalili et.al juga mengiktiraf al-Ghazali sebagai salah seorang tokoh yang memberi sumbangan dalam membangunkan ilmu psikologi yang mempunyai kaitan secara langsung dengan pendekatan *da'wah al-irsyad al-nafsiyy*. Perkara ini dinyatakan dalam artikel mereka :

*Before the dawn of the modern era of psychology, Muslim philosophers and thinkers elaborated on the causes of psychological problems and their treatment from an Islamic perspective. Contemporary Muslim psychologists have highlighted Ibn al-Haytham's (925-c.1040 CE) contributions to experimental psychology and psychophysics made before Bacon and Fechner (Khaleefa, 1999). The contribution of Ibn Sina (Avicenna:980-1037 CE) to medicine and psychology on the subject of associative learning in adaptive and maladaptive responses was developed further by al-Ghazali (1058-1111 CE). Al-Ghazali's theory of dynamic interaction deals with human emotions and their control and he showed that ethical and emotional habits can be acquired and changed by learning and training.*²⁹

Encyclopaedia of Islam, New York:Leiden, h.1003) Di antara buku karangan beliau ialah *Nazm al-Quran*, *Suwar al-Aqalim al-Islamiyyah*, *Akhlaq al-Umam*, *Kitab al-Siyasah al-Kabir*, *Asma' Allah Ta'ala wa Sifatuhu*, *Bayan Wujuh al-Hikmah*, *Aqsam al-'Ulum* (Salawati,Yasin, 2001, *Al-Mawsu'ah al-Arabiyyah al-Muyassarah wa al-Muwassa'ah*, Beirut : Muassasah al-Tarikh al-'Arabi, h.900). Selain itu, buku karangan beliau yang bertajuk *Masalih al-Abdan wa al-Anfus* turut menjadikan al-Balkhi dikenali dalam bidang psikologi. Dalam bahagian awal buku tersebut, al-Balkhi menekankan bahawa manusia perlu menjaga kesihatan badan dan jiwa daripada sebarang penyakit. Manusia juga perlu memiliki pengetahuan tentang ilmu perubatan. Beliau turut mengulas pentingnya persekitaran yang baik untuk kesihatan manusia di samping menolak secara tegas pengambilan wain yang terbukti boleh memudaratkan badan dan jiwa (*body and soul*). Dalam bab dua buku tersebut, beliau membincangkan mengenai kesihatan psikologi manusia dan menghuraikan secara terperinci penyakit-penyakit jiwa seperti marah, tekanan, takut, bimbang dan tidak sabar. Beliau bukan sahaja menjelaskan bahawa penyakit-penyakit tersebut perlu dirawati secepat mungkin tetapi turut mengutarkan langkah-langkah untuk mengubatinya.

²⁸ Badri, Malik, 1997, *Is the Islamization of Psychological Therapy and Counseling Really Necessary ? And are the Contribution of Early Muslim Scholars of any Relevance to Modern Psychotherapists?* Seminar Kebangsaan Kaunseling Islam VI.

²⁹ Shiva Khalili, Sebastian Murken, K.Helmut Reich, Ashiq Ali Shah, Abdolvahab Vahabzadeh, 2002, *Religion and Mental Health in Cultural Perspective : Observations and Reflections after the first International Congress on Religion and Mental Health*, Tehran, 16-19 April 2001. The International Journal for the Psychology of Religion, 12(4), 217-237. Lawrence Erlbaum Associates, Inc.

Sebelum kemunculan era moden dalam bidang psikologi, ahli psikologi dan pemikir-pemikir Islam telah meneliti punca-punca masalah psikologi dan mencari penyelesaiannya dari perspektif Islam. Ahli psikologi Islam kontemporari pula menampilkkan sumbangan Ibn al-Haytham's (925-1040 M) dalam eksperimental psikologi dan psikofizik telah dilakukan lebih awal sebelum Bacon dan Fechner lagi (Khaleefa, 1999). Manakala sumbangan Ibn Sina (Avicenna:980-1037 M) dalam bidang perubatan dan psikologi dalam subjek pembelajaran perkaitan tentang tindakbalas adaptif³⁰ dan maladaptif telah dibangunkan dengan lebih mendalam oleh al-Ghazali (1058-1111 M). Teori al-Ghazali tentang interaksi dinamik berhubung dengan emosi dan kawalan manusia menunjukkan bahawa akhlak dan emosi seseorang boleh diperolehi dan diubah menerusi pembelajaran dan latihan.

Selain itu al-Ghazali dipilih sebagai tokoh utama dalam kajian ini kerana pengkaji berpendapat kaedah *tazkiyah al-nafs* yang dikupas dengan begitu terperinci dalam buku-buku karangan beliau dapat menjadi panduan kepada *mad'u* bagi mengatasi masalah yang mereka hadapi. Ini disebabkan al-Ghazali begitu menitikberatkan agar manusia menghiasi dirinya dengan sifat-sifat terpuji (*mahmudah*) serta menjauahkan dirinya daripada sifat-sifat tercela (*madhmumah*).

Kaedah al-Ghazali tersebut difikirkan sesuai untuk diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat masa kini yang dipenuhi dengan pelbagai masalah yang kompleks, penyakit-penyakit hati serta kemungkaran kesan kurangnya penghayatan terhadap nilai-nilai agama yang sering menjadikan mereka hilang pertimbangan serta sukar menikmati ketenangan dan kebahagiaan. Lantaran itu, kaedah ini perlu direalisasikan dalam kehidupan masyarakat hari ini supaya masalah mereka dapat diatasi dengan lebih baik.

³⁰ Adaptif berhubung dengan perubahan yang dapat disesuaikan dengan persekitaran atau yang dapat membantu penyesuaian dalam proses adaptasi (*A Comprehensive Dictionary of Psychological and Psychoanalytical Terms*, 1958, h.12. Ia juga difahami sebagai mempunyai kemampuan atau tendensi untuk menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi. (*English Dictionary for Advanced Learners*, 2001, Edisi keenam. Glasgow : HarperCollins Publishers, h.18

1.3 Objektif Kajian

Antara objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah ;

1. Mengkaji kepentingan *al-irsyad al-nafsiyy* dalam pendekatan *al-da'wah al-fardiyyah* (personal).
2. Mengkaji pemikiran al-Ghazali tentang *al-irsyad al-nafsiyy* sebagai salah satu pendekatan *da'wah*.
3. Membina kerangka penerapan nilai-nilai *da'wah al-irsyad al-nafsiyy* menurut al-Ghazali dalam pelaksanaan proses kaunseling.
4. Mengenalpasti adakah pendekatan *da'wah al-irsyad al-nafsiyy* diaplikasikan dalam pelaksanaan proses kaunseling di Pusat Kaunseling MAINS.
5. Mengenalpasti adakah masalah yang dihadapi oleh klien di Pusat Kaunseling MAINS berpunca daripada masalah spiritual menurut pandangan al-Ghazali.

1.4 Kajian Terdahulu

Setakat pembacaan pengkaji, belum ada kajian yang dilakukan membicarakan tajuk pendekatan *da'wah al-irsyad al-nafsiyy* menurut al-Ghazali : Satu kajian di Pusat Kaunseling MAINS.

Walau bagaimanapun penulisan berkenaan pendekatan *da'wah* memang telah banyak dilakukan sama ada di dalam atau luar negara. Antaranya oleh Muhammad Amhazun (*Manhaj al-Nabiy fi al-Da'wah min Khilal al-Sirah al-Sahihah*) ³¹, Muhammad Husin Fadlullah (*Uslub al-Da'wah fi al-Qur'an*) ³², Muhammad Sayyid al-Wakil (*Usus al-Da'wah wa Adab al-Du'at*) ³³, Abdul Karim Zaydan (*Usul al-Da'wah*) ³⁴, Abdullah Muhammad Zain, Che Yusof Che Mamat dan Ideris Endut (*Prinsip dan Kaedah*

³¹ Amhazun, Muhammad, 2003, *Manhaj al-Nabiy fi al-Da'wah min Khilal al-Sirah al-Sahihah*, Kaherah : Dar al-Salam

³² Fadlullah, Muhammad Husin, 1972, *Uslub al-Da'wah fi al-Qur'an*, Beirut : Dar al-Zahra'.

³³ al-Wakil, Muhammad Sayyid, 1991, *Usus al-Da'wah wa Adab al-Du'at*, Madinah al-Munawwarah : Dar al-Mujtama'

³⁴ Zaydan, Abdul Karim, 2000, *Usul al-Da'wah*, Cet. ke-vii, Beirut : Muassasah al-Risalah.

Da'wah dalam Arus Pembangunan Malaysia)³⁵, Ab. Aziz Mohd. Zin (*Pendekatan Da'wah di Malaysia dalam Era Wawasan*,³⁶ *Minhaj Da'wah Masa Kini : Satu Pengenalan*,³⁷ *Metodologi Da'wah*³⁸ dan sebagainya.

Penelitian pengkaji ke atas bahan-bahan bacaan tersebut membuktikan bahawa perbincangan berkisar tentang persoalan uslub dan metode *da'wah al-hikmah*, *al-maw'izzah* dan *al-mujadalah* serta wasilah penyampaian *da'wah* dengan kata-kata, amalan dan sirah yang baik (*al-sirah al-hasannah*). Keadaan ini secara jelas menunjukkan bahawa meskipun sudah terlalu banyak penulisan dan karya yang membincangkan tentang pendekatan *da'wah* tetapi belum ada kajian khusus yang dijalankan mengkaji pendekatan *da'wah al-irsyad al-nafsiyy*.

Di samping itu, terdapat juga penulis yang mengkaji pendekatan *da'wah* kontemporari iaitu dengan mengaitkannya dengan ilmu-ilmu semasa seperti psikologi, kaunseling dan komunikasi. Syafiei Abdul Rashid misalnya cuba menghubungkan ilmu psikologi dengan *da'wah* dalam latihan ilmiahnya bertajuk *Pendekatan Psikologi dalam Da'wah*. Beliau menekankan pentingnya penda'wah membina hubungan baik serta memahami tingkahlaku *mad'u* agar dapat menyelesaikan masalah mereka dengan berkesan. Pada beliau, kepincangan dalam melaksanakan *da'wah* dapat diatasi sekiranya *da'i* mengkaji tingkahlaku manusia sebelum memulakan *da'wah*.³⁹

Shahrizal Abdullah dalam kajiannya bertajuk *Program Komunikasi Da'wah : Kajian Keperluan dan Prospek*, cuba mencari hubungan ilmu *da'wah* dengan komunikasi dari aspek tujuan komunikasi. Dalam amalan komunikasi biasa, tujuan

³⁵ Abdullah Muhammad Zin, Che Yusof Che Mamat dan Ideris Endut, 1997, *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

³⁶ Ab. Aziz Mohd. Zin, 1996, *Pendekatan Dakwah di Malaysia dalam Era Wawasan*. Seminar Antarabangsa Teologi dan Falsafah Islam. Bangi, 10-12 Jun 1996.

³⁷ Ab. Aziz Mohd. Zin, 1995, *Minhaj Dakwah Masa Kini : Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur : Jurnal Usuluddin Universti Malaya, hlm. 77-102.

³⁸ Ab. Aziz Mohd. Zin, 2004, *Metodologi Da'wah*, cet. ke iv, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

³⁹ Syafiei Abdul Rashid, 1999, *Pendekatan Psikologi dalam Dakwah*, Latihan Ilmiah. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

komunikasi ialah mengharapkan adanya tindakbalas daripada sasaran melalui idea atau pesanan yang disampaikan oleh pengucap sehingga berlakunya perubahan sikap dan tingkahlaku yang diharapkan. Sedangkan tujuan komunikasi *da'wah* mengharapkan berlakunya perubahan atau pembentukan sikap dan tingkahlaku yang sesuai dengan ajaran Islam.⁴⁰

Usaha mengintegrasikan ilmu *da'wah* dengan ilmu semasa turut dilakukan oleh Ab. Aziz Mohd. Zin & Yusmini Md. Yusoff yang cuba mengaitkan ilmu *da'wah* dengan kaunseling. Dalam artikel mereka bertajuk *Kaunseling Da'wah : Satu Pengenalan Konsep* ada dikupas berkenaan hubungan *da'wah* dan kaunseling. Dalam membincangkan definisi *da'wah*, dirumuskan bahawa *da'wah* merupakan satu cara mempengaruhi seseorang ke arah penjernihan jiwa iaitu pembersihan, pertumbuhan dan pembaikan ruh dan jiwa manusia melalui kaedah, teknik dan sifat-sifatnya tersendiri yang memberi kesan terhadap tingkahlaku dalam usaha mencari keredaan Allah s.w.t.⁴¹

Oleh kerana kaunseling merupakan satu mekanisme untuk penyelesaian masalah ke arah perubahan tingkahlaku, meleraikan konflik emosi serta menimbulkan kesedaran terhadap diri sendiri, maka kaunseling dan *da'wah* mempunyai perkaitan yang sangat rapat di antara satu sama lain. Malah kaunseling boleh dianggap sebagai salah satu mekanisme *da'wah*.⁴²

Perbincangan di atas menjelaskan bahawa telah ada usaha dilakukan bagi mengintegrasikan ilmu-ilmu moden dengan ilmu *da'wah*. Ini secara langsung menggambarkan bahawa ilmu *da'wah* sudah mula menerima perubahan ke arah

⁴⁰ Shahrizal Abdullah, 2003, *Program Komunikasi Dakwah : Kajian Keperluan dan Prospek*, Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

⁴¹ Ab. Aziz Mohd. Zin & Yusmini Md. Yusoff , 2001, *Kaunseling Dakwah : Satu Pengenalan Konsep*. Kuala Lumpur : Jurnal Usuluddin. Bil. 13. Universiti Malaya, hlm. 141- 152.

⁴² Ibid.

memantapkan serta memperkayakan lagi khazanah ilmu tersebut dengan nilai-nilai akademik yang tinggi selaras dengan keperluan semasa.

Penulisan berkaitan *al-irsyad al-nafsiyy* juga telah ada dilakukan oleh beberapa orang penulis antaranya Yusuf Mustafa al-Qadi, Lutfi Muhammad Fatim dan Mahmud Ata Husin dengan tajuk buku mereka *al-Irsyad al-Nafsiyy wa al-Tawjih al-Tarbawiyy*. Dalam buku tersebut banyak dibincangkan tentang *al-irsyad al-nafsiyy* dalam bidang pendidikan. Mereka juga mengupas pandangan tokoh-tokoh Barat seperti Freud dan Carl Rogers bagi memantapkan lagi disiplin ilmu bimbingan dan kaunseling di sekolah.⁴³

Muhammad Mahrus al-Syannawi turut membincangkan isu yang sama dalam bukunya bertajuk *al-'Amaliah al-Irsyadiah* tetapi melihatnya dari dimensi berbeza kerana beliau tidak menumpukan kepada proses *al-irsyad al-nafsiyy* di sekolah tetapi menelitiinya dari sudut konsep-konsep asas *al-irsyad* seperti definisi *al-irsyad*, ciri-ciri dan kemahiran *al-mursyid*, bentuk-bentuk masalah serta metodologi *al-irsyad*.

Al-Syannawi memang ada mengutarakan secara ringkas etika *al-mursyid* menurut Islam seperti mengajak manusia melakukan kebaikan dengan mengemukakan ayat-ayat al-Quran tetapi beliau tidak mengaitkan langsung pendekatan *al-irsyad* itu dengan nilai-nilai *da'wah* dan pemikiran al-Ghazali.⁴⁴

Al-Syannawi turut mengulas topik *al-irsyad al-nafsiyy* dalam bukunya yang lain bertajuk *Nazariyat al-Irsyad wa al-'Ilaj al-Nafsiyy*. Terdapat sedikit kelainan dalam buku ini kerana beliau lebih menumpukan kepada aspek rawatan (*al-'Ilaj*) seperti *al-'Ilaj al-*

⁴³ al-Qadi, Yusuf Mustafa, Lutfi Muhammad Fatim & Mahmud Ata Husin, 2002, *al-Irsyad al-Nafsiyy wa al-Tawjih al-Tarbawiyy*, Riyad : Dar al-Marikh Li al-Nasyr.

⁴⁴ Al-Syannawi, Muhammad Mahrus, 1996, *al-'Amaliah al-Irsyadiah*, Kaherah : Dar al-Gharib Li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawz'i'.

Suluki (Behavior Therapy), al-'Ilaj al-'Aqlani al-Infi'ali (Rational Emotive Therapy), al-'Ilaj al-Suluki al-Ma'rifi (Cognitive-Behavior Modification) dan sebagainya.⁴⁵

Hasil penelitian pengkaji kepada kedua-dua buku karangan al-Syannawi dapat disimpulkan bahawa kupasan beliau berkenaan *al-irsyad al-nafsiyy* masih terlalu banyak dibayangi oleh pemikiran Barat. Dalam erti kata lain bolehlah dirumuskan bahawa pendekatan *da'wah* dalam amalan *al-irsyad al-nafsiyy* langsung tidak disentuh. Pandangan ulama Islam pula tidak sekalipun ditulis dalam mana-mana perbincangan apatah lagi pandangan al-Ghazali.

Karya lain yang juga membincangkan tentang *al-irsyad al-nafsiyy* ditulis oleh Zahran dalam bukunya *al-Tawjih wa al-Irsyad al-nafsiyy*. Zahran menulis tentang pentingnya ilmu pengetahuan dalam amalan *al-irsyad al-nafsiyy*. Beliau juga membincangkan tentang teori-teori *al-irsyad al-nafsiyy* dari perspektif Barat seperti teori Tingkahlaku dan Teori Psikoanalisa serta mengupas metodologi *al-irsyad al-nafsiyy*.

Sungguhpun penulisan Zahran lebih banyak terikat dengan ilmu bimbingan dan kaunseling dari Barat namun terdapat kekuatan serta mempunyai kaitan langsung dengan kajian ini kerana beliau mengulas metodologi *al-irsyad al-nafsiyy* dari perspektif Islam dengan mengemukakan *al-irsyad al-dini* sebagai salah satu kaedah. Menurut Zahran, asas bagi *al-irsyad al-dini* ialah keyakinan bahawa Allah s.w.t menjadikan manusia. Allah s.w.t mengetahui bagaimana seseorang hambaNya itu boleh menjadi baik dan mengetahui perkara-perkara yang boleh merosakkan serta membawanya kepada kesesatan. Dia jugalah yang mengetahui kaedah-kaedah untuk merawat penyakit-penyakit manusia.⁴⁶

⁴⁵ al-Syannawi, Muhammad Mahrus, t.th, *Nazariyat al-Irsyad wa al-'Ilaj al-Nafsiyy*, Dar Gharib li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi'.

⁴⁶ Zahran, Hamid 'Abd Salam, 1980, *al-Tawjih wa al-Irsyad al-Nafsiyy*, Kaherah : 'Alam al-Kutub.

Menerusi perbincangan mengenai *al-irsyad al-dini*, Zahran menjelaskan perkara-perkara yang boleh mencetuskan tekanan dalam jiwa manusia seperti dosa, kesesatan, persengketaan, lemah jiwa, gelisah dan putus asa. Di samping itu beliau juga mengutarakan idea-idea Islam untuk merawat penyakit-penyakit tersebut seperti beriman, kasih, taqwa, takut serta syukur kepada Allah s.w.t. Meskipun dalam penulisan Zahran ini ada dihuraikan dengan baik ajaran Islam dalam amalan *al-irsyad al-nafsiyy*, namun boleh dikatakan penulisan ini masih belum mengaitkannya dengan ilmu *da'wah* apatah lagi menganalisisnya dari perspektif al-Ghazali.⁴⁷

Abu 'Aitah turut mengupas topik-topik berkaitan definisi dan teori-teori *al-irsyad*, ciri-ciri *al-mursyid*, serta kemahiran-kemahiran *al-irsyad* dalam bukunya bertajuk *Mabadi' al-Irsyad al-Nafsiyy*.⁴⁸ Hasyimi pula dalam bukunya *al-Tawjih wa al-Irsyad al-nafsiyy* pula mengulas tentang matlamat dan kepentingan *al-irsyad al-nafsiyy*. Antara kekuatan yang terdapat dalam penulisan ini sekaligus mempunyai kaitan dengan kajian ini ialah metode *irsyad ruhaniyah al-nafs*. Dalam paparan tersebut, beliau mengulas faktor-faktor kejiwaan dalam amalan *al-irsyad al-nafsiyy* yang boleh memberikan kebahagiaan kepada insan seperti keimanan dan hubungan berterusan dengan Allah s.w.t, zikir, doa, sabar, syukur, *istighfar* dan taubat.⁴⁹

Husin Muhammad 'Ali Tahir & Mahyuddin Yusuf al-Jardi turut mengulas isu *al-irsyad al-nafsiyy* dalam buku mereka bertajuk *al-Irsyad al-Nafsiyy wa al-Tarbawiyy baina al-Isalah wa al-Tajdid*. Topik yang dikupas dalam buku ini lebih kurang sama dengan topik dalam buku-buku sebelum ini iaitu berkisar tentang persoalan teori dan metode *al-irsyad al-nafsiyy*.⁵⁰

⁴⁷ Ibid., h.322

⁴⁸ Abu 'Aitah, Siham Darwisyi, 1988, *Mabadi' al-Irsyad al-Nafsiyy*, Kuwait : Dar al-Qalam.

⁴⁹ Hasyimi, 'Abd Hamid Muhammad, 1986, *al-Tawjih wa al-Irsyad al-Nafsiyy*, Jeddah : Dar al-Syuruq.

⁵⁰ Tahir, Husin Muhammad 'Ali dan al-Jardi, Mahyuddin Yusuf, 1986, *al-Irsyad al-Nafsiyy wa al-Tarbawiyy*, Universiti Kuwait: Kuliyyah al-Tarbiyyah.

Sungguhpun demikian terdapat sedikit kelainan dalam tulisan ini lantaran penulisnya ada menghuraikan tentang *al-irsyad al-nafsiyy* dari perspektif Islam iaitu dengan mengemukakan hubungan antara *al-irsyad al-nafsiyy* dengan umat Islam dan keimanan. Di samping itu, penulis ini juga ada mengemukakan pandangan ulama-ulama Islam seperti al-Qabisi, Ibnu Sina, Ibnu Miskawayh, al-Ghazali, al-Zarnuji, al-Qurtubi dan Ibnu Khaldun berkaitan *al-irsyad al-nafsiyy*. Dengan ini jelas membuktikan bahawa sudah ada usaha mengulas pandangan al-Ghazali berkaitan *al-irsyad al-nafsiyy*. Namun paparan dalam buku ini terlalu ringkas, hanya berkisar persoalan *al-irsyad al-nafsiyy* kepada kanak-kanak.⁵¹

Muhammad Umaruddin pula membincangkan tentang keburukan (*vices*) dan kebaikan (*virtues*), menganalisis konsep manusia menurut al-Ghazali, teori akhlak al-Ghazali serta manusia dari perspektif psikologi (*the psychological nature of man*) dalam bukunya bertajuk *The Ethical Philosophy of al-Ghazzali*. Perbincangan ini mempunyai kaitan dengan pendekatan *al-Irsyad al-nafsiyy* menurut al-Ghazali.⁵²

Isu yang sama turut dibincangkan oleh Mohamed Ahmed Sherif dalam bukunya *Ghazali's Theory of Virtue*. Dalam buku ini, seperti juga Muhammad Umaruddin, Mohamed Ahmed Sherif mengulas isu-isu berkaitan kebaikan (*virtues / al-fada'iil*), empat prinsip asas kebaikan iaitu *al-hikmah* (*wisdom*), *al-syaja'ah* (*courage*), *al-'iffah* (*temperance*) dan *al-'adl* (*justice*) serta *al-fadilah* dari perspektif Sufisme.⁵³

Di samping itu, Muhammad Abul Quasem turut mengulas aspek-aspek seperti kebaikan (*virtues*) dan keburukan (*vices*) di samping membahaskan mengenai hubungan antara jiwa (*soul*) dan jasad (*body*), konsep kebahagiaan, sifat-sifat

⁵¹ Ibid.

⁵² Umaruddin, Muhammad, *The Ethical Philosophy of al-Ghazzali*.

⁵³ Sherif, Mohamed Ahmed, 1975, *Ghazali's Theory of Virtue*. Albany : State University of New York Press.

mahmudah serta metode mengubah tingkahlaku menurut al-Ghazali dalam buku beliau *The Ethics of al-Ghazali : A Composite Ethics in Islam*.⁵⁴

Ini bermakna, meskipun telah ada kajian yang dijalankan berkaitan *al-irsyad al-nafsiyy* namun tiada seorangpun di antara mereka yang mengaitkan pendekatan spiritual tersebut sebagai salah satu pendekatan *da'wah* dan menghubungkannya dengan pelaksanaan kaunseling.

Sungguhpun begitu, Achmad Mubarok, seorang penulis dari Indonesia dalam bukunya *al-Irsyad al-Nafs, Konseling Agama : Teori dan Kasus*, secara langsung telah mengaitkan *al-irsyad al-nafsiyy* sebagai salah satu pendekatan *da'wah*. Namun beliau tidak mengaitkan sebarang perbincangannya dengan pemikiran al-Ghazali tetapi buku ini dapat dijadikan landasan asas kepada kajian ini khususnya ketika menghubungjalinkan *al-irsyad al-nafsiyy* dengan pendekatan *da'wah*.⁵⁵

Antara kekuatan yang terdapat dalam buku ini ialah penulisnya dapat menghuraikan dengan jelas perkara-perkara berkaitan *al-nuh*, *al-'aql*, *al-qalb*, *al-nafs* serta bimbingan mengatasi krisis kerohanian manusia moden yang kesemuanya mempunyai kaitan kuat dengan kajian ini.

Selain itu, Noor Shakirah Mat Akhir dalam kajian doktor falsafahnya bertajuk *Al-Ghazali and Soul : Comparative Context and Paradigms* pula bukan sahaja menekankan aspek-aspek spiritual manusia malah menjalinkan unsur-unsur spiritual tersebut dengan personaliti manusia. Antara kekuatan dalam tesis tersebut ialah Noor Shakirah berjaya mengupas dengan mendalam di samping membuat penilaian tentang teori-teori kejiwaan di kalangan tiga tokoh utama Greek seperti Plato, Aristotle dan Socrates serta membandingkannya dengan pandangan tokoh-tokoh

⁵⁴ al-Quasem, Muhammad Abu, 1975, *The Ethics of al-Ghazali. A Composite Ethics in Islam* with a foreword by Montgomery Watt, University of Edinburg, Central Printing, Petaling Jaya, Malaysia.

⁵⁵ Achmad Mubarok, *al-Irsyad al-Nafs, Konseling Agama: Teori dan Kasus*.

Islam seperti al-Farabi, Ibn Sina dan al-Ghazali. Beliau turut memaparkan idea-idea al-Ghazali berhubung kecenderungan psikologi manusia yang secara langsung membuktikan idea al-Ghazali itu mempunyai keistimewaan tersendiri serta unik untuk dijadikan panduan.⁵⁶

Perbincangan tentang aspek spiritual manusia menurut al-Ghazali turut diperkatakan oleh Zalina Mohd. Yusof (*Konsep Tazkiyah al-Nafs dari Sudut Tasawwuf menurut Pandangan al-Ghazali*),⁵⁷ Abu Sufian Ab. Ghani (*Penjelasan al-Ghazali : Hakikat Rohani Manusia*)⁵⁸, Che' Zarrina Sa'ari (*Penyakit Gelisah dalam Masyarakat Islam dan Penyelesaiannya Menurut Psiko-Spiritual Islam*)⁵⁹ dan seumpamanya. Walaupun penulisan berkaitan *al-irsyad al-nafsiyy* menurut al-Ghazali sudah ada dilakukan tetapi belum ada yang mengaitkannya dengan *da'wah* apatah lagi meninjau relevannya dilaksanakan dalam pelaksanaan proses kaunseling di Malaysia.

Sebagaimana telah ada kajian dilakukan berkaitan *al-irsyad al-nafsiyy* dari perspektif al-Ghazali, begitu juga halnya dengan kajian tentang *da'wah* menurut al-Ghazali antaranya oleh Salih Ahmad al-Syami dengan buku bertajuk *al-Imam al-Ghazali Hujjah al-Islam wa Mujaddid al-Mi'ah al-Khamisah*. Di bahagian akhir buku ini didedahkan tentang peranan al-Ghazali sebagai *al-Muslih* yang menentang kezaliman serta memerangi kemungkaran dalam masyarakat.⁶⁰ Buku ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Basri bin Ibrahim al-Hasani al-Azhari dengan tajuk *Perjuangan al-Ghazali Menegakkan Kebenaran dan Menghapuskan Kebatilan : Satu*

⁵⁶ Noor Shakirah Mat Akhir, 2000, *Al-Ghazali and Soul : Comparative Context and Paradigms*, Leeds University.

⁵⁷ Zalina Mohd. Yusof, 1989, *Konsep Tazkiyat al-Nafs dari Sudut Tasawwuf Menurut Pandangan Imam al-Ghazali*, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

⁵⁸ Abu Sufian Ab. Ghani, 2000, *Penjelasan al-Ghazali : Hakikat Rohani Manusia*, Majalah Dakwah, Jun (h. 16-18) dan Julai (h.24-26), Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

⁵⁹ Che Zarrina Sa'ari, 2001, *Penyakit Gelisah (anxiety/al-halu'a) dalam Masyarakat Islam dan Penyelesaiannya menurut Psiko-Spiritual Islam*, Jurnal Usuludin, Bil.14, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm. 1-22

⁶⁰ al-Syami, Salih Ahmad, 1993, *al-Imam al-Ghazali Hujjah al-Islam wa Mujaddid al-Mi'ah al-Khamisah*, Damsyiq : Dar al-Qalam.